



5 September 2014
5 September 2014
P.U. (B) 407

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH
BAGI MAKSUD AWAM

*NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION
OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui *Pemberitahuan No. 959/1904* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Selangor* pada 19 Disember 1904, pada menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh seksyen 8 Enakmen Tanah 1903, Residen British telah mengisyiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas pelan ukur hasil No. 2,709 yang disimpan di Pejabat Penguasa Ukur Hasil, menjadi satu rizab bagi maksud Bangunan Persekutuan yang disenggarakan oleh Pengarah Kerja Raya, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu:

DAN BAHAWASANYA, melalui *P.U. (B) 108/2003* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan yang diwakilkan kepadanya, memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 2, 3